

Ekspo rumah terbesar untuk memudahkan pembeli membuat pilihan

Pusat sehenti kediaman PR1MA

Oleh FATTAH MOHD. SAPIAI

KUALA LUMPUR – Perbadanan PRIMA Malaysia (PRIMA) bakal menganjurkan Ekspo Jualan Perumahan – Ke Arah Sejuta Impian yang menjadi pusat sehenti lengkap kepada mereka yang ingin mendapatkan maklumat mengenai projek perumahan agensi itu.

Ketua Pegawai Eksekutif PRIMA, Datuk Abdul Mutalib Alias berkata, ekspo rumah terbesar itu akan diadakan selama lima hari bermula 1 Mac depan di Pusat Konvensyen Ipoh, Perak.

Katanya, ekspo yang julung-julung kali diadakan itu bertujuan untuk meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat terutamanya golongan berpen-



ABDUL MUTALIB

dapatan rendah dan sederhana.

“Ekspo itu bakal menawarkan lebih 38,000 unit rumah pada harga bermula RM70,000 hingga RM300,000 ke atas. Ia akan diadakan di tempat-tempat lain secara berperingkat.

“Namun bagi Kuala Lumpur dan Selangor, ekspo akan diadakan selama sembilan hari kerana kawasan itu mempunyai penduduk yang lebih ramai,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Tambahnya, usaha tersebut selaras dengan matlamat Dasar Perumahan Negara dan sasaran kerajaan untuk membina rumah mampu milik.

Menurut Mutalib, pada ekspo tersebut, pengunjung berpeluang untuk membeli rumah daripada agensi lain seperti Syarikat Perumahan Negara Berhad,

INFO

Ekspo Jualan Perumahan

- Perak (1 hingga 5 Mac 2018)
- Sabah (15 hingga 19 Mac 2018)
- Kuala Lumpur, Selangor (24 Mac hingga 1 April 2018)
- Johor, Pahang (5 hingga 9 April 2018)
- Negeri Sembilan, Melaka (12 hingga 16 April 2018)
- Kelantan, Sarawak (19 hingga 23 April 2018)
- Perlis (26 hingga 30 April 2018)

Projek Perumahan Kakitangan Awam 1Malaysia serta agensi daripada kerajaan negeri.

Ekspo itu juga akan disertai oleh pelbagai agensi perbankan, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional bagi memudahkan urusan pinjaman dan semakan.



RUMAH PR1MA menjadi rebutan ramai kerana harganya yang murah selain terletak di lokasi strategik. – Gambar hiasan